

Simon Ockley

(1678-1720) *Profesor bahasa Arab di Universiti Cambridge.*

- “satu perkara yang patut diambil perhatian ialah ibu beliau melahirkan beliau di Mekah, di dalam tempat yang paling suci itu; yang mana tidak pernah belaku kepada orang lain.”
[*History of the Saracens*, London, 1894, ms. 331]

★ ★ ★ ★ ★

Washington Irving

(1783-1859) *Terkenal sebagai “sasterawan Amerika yang pertama”.*

- "Beliau adalah daripada keturunan yang paling mulia di dalam bangsa mulia Quraisy. Beliau memiliki 3 sifat yang paling dipandang tinggi oleh orang-orang Arab: keberanian, kepetahan dan kedermawanan. Semangat waja beliau telah menyebabkan Rasulullah memberikan beliau gelaran singa Allah, sebahagian daripada kepetahan beliau masih digunakan di dalam peribahasa dan perumpamaan di kalangan bangsa Arab; dan kedermawanan beliau dapat dilihat dengan berkongsi di antaranya, pada setiap hari Jumaat, apa yang masih tinggal dalam perbendaharaan. Tentang sikap merendah diri beliau, kita telah ditunjukkan dengan pelbagai kejadian yang sering berlaku; beliau yang mulia membenci kesemua perkara yang palsu dan kejam, dan dalam kesemua tindakan beliau tiada terselit niat jahat demi kepentingan diri sendiri."

[*Lives of the Successors of Mahomet*, London, 1850, ms.165]

- "Beliau adalah orang yang terakhir dan yang paling berharga di kalangan muslim yang primitif, menyerap kehairahan terhadap agama daripada kahadirannya yang sentiasa menemani Rasulullah sendiri, dan mengikuti Rasulullah hingga kepada perlakuan yang paling mudah. Beliau diberi penghormatan dan diktiraf sebagai Khalifah yang pertama yang memberi perlindungan kepada pengajian sastera. Beliau sendiri mempunyai sifat seperti seorang penyair, dan banyak daripada pepatah dan peribahasa beliau dipelihara, dan ada yang telah diterjemahkan ke dalam bahasa-bahasa lain. Pada cincin beliau dinukilkan ukiran ini: 'Negara itu dimiliki oleh Tuhan'. Salah satu daripada perumpamaan yang datang dari beliau menunjukkan betapa kecilnya nilai dunia yang sementara ini di mata beliau, 'Hidup ini adalah umpama suatu bayang-bayang awan, mimpi kepada orang yang sedang tidur'."

[*Lives of the Successors of Mahomet*, London, 1850, mukasurat-mukasurat 187-8]

★ ★ ★ ★ ★

Robert Durey Osborn

(1835-1889) *seorang berpangkat Major di dalam tentera Bengal Staff Corps.*

- “Dengannya kematiannya tiada lagi orang yang paling setia kepada kebenaran dan Muslim yang terbaik yang sentiasa diingati dalam sejarah agama Muhammad.”
[*Islam Under the Arabs*, 1876, ms. 120]

Untuk mengetahui lebih lanjut berkenaan Imam 'Ali bin Abi Talib, sila lawati:

<http://al-islam.org/faq/>

v1.0

Demikianlah Tuhan menjadikan tanda-tandaNya jelas kepada kamu supaya kamu dapat memahami
(Qur'an 2:242)

Apa Yang Diperkatakan Oleh Orang-Orang Bukan Islam Mengenai...

'Ali

PENGGANTI PERTAMA KEPADA NABI MUHAMMAD
(*Selawat dan Salam ke atas Mereka Berdua*)

Imam 'Ali bin Abi Talib pengganti pertama kepada Nabi Muhammad selawat dan salam ke atas mereka berdua. Ini adalah koleksi petikan-petikan pendek ulasan mengenai beliau daripada beberapa orang ternama dari pelbagai kepercayaan, termasuk ahli-ahli akademik, para penulis, ahli-ahli falsafah, para penyair, ahli-ahli politik, dan para aktivis.

Thomas Carlyle

(1795-1881) seorang ahli sejarah berbangsa Scot, pengkritik, dan penulis dalam bidang sosiologi.

- “Mengenai Ali yang masih kecil, tiada orang yang dapat mengelakkan daripada menyukai beliau. Seorang yang berfikiran yang mulia, sebagaimana yang ditunjukkannya, pada masa itu dan sentiasa selepasnya; penuh dengan kasih sayang, dan keberanian yang membara. Sesuatu yang berhemah tinggi dalam dirinya; berani seumpama seekor singa; namun dengan keanggunan, keberanian dan kasih sayang yang melayakkan beliau untuk mendapat pengiktirafan sebagaimana pahlawan-pahlawan agama Kristian.”
[*On Heroes, Hero-Worship, And The Heroic In History*, 1841, Lecture 2: The Hero as Prophet. Mahomet: Islam., May 8, 1840)]

★ ★ ★ ★ ★

Edward Gibbon

(1737-1794) Dianggap sebagai ahli sejarah Inggeris yang paling agung di zamannya.

- "Semangat dan kemurnian sikap Ali tidak pernah diatasi oleh mana-mana pendakwah sehingga hari ini. Beliau adalah gabungan sifat seorang penyair, perajurit, dan wali; kecendekiawanan beliau masih diterimapakai dalam koleksi khutbahnya mengenai akhlak dan keagamaan; dan setiap lawannya, sama ada di dalam pertikaman lidah atau pertembungan pedang, ditundukkan beliau dengan kepetahan dan ketangkasannya. Daripada permulaan jam pertama tugas hinggalah kepada upacara terakhir pemakaman baginda, Nabi tidak pernah ditinggalkan oleh beliau yang merupakan seorang sahabat yang pemurah, sehingga baginda dengan gembiranya menamakan beliau sebagai saudara, timbalan, dan Harun yang setia kepada Musa yang kedua."
[*The Decline and Fall of the Roman Empire*, London, 1911, volume 5, mukasurat-mukasurat 381-2]

★ ★ ★ ★ ★

Philip Khuri Hitti

(1886-1978) Profesor rumpun bahasa Semitik di Universiti Princeton

- “Tangkas di dalam pertempuran, bijaksana dalam memberikan nasihat, petah di dalam pertuturan, adalah setiakawan, merendah diri kepada musuh-musuhnya, beliau telah menjadi contoh ikutan kemuliaan dan ketinggian budi bahasa (*futuwah*) seorang Muslim dan digelar sebagai Sulaiman dalam tradisi Arab, di mana di dalam nama beliau dikaitkan dengan sejumlah besar syair-syair, peribahasa-peribahasa, khutbah-khutbah dan cerita-cerita pendek yang telah dikumpulkan.”
[*History of the Arabs*, London, 1964, ms. 183]

★ ★ ★ ★ ★

Sir William Muir

(1819 - 1905) cendekiawan berbangsa Scot dan pengubal undang-undang. Memegang jawatan Setiausaha Luar kepada kerajaan India dan juga Leftenan-Gabenor Wilayah-wilayah Barat Laut.

- “Dikurniakan dengan ketajaman fikiran, kasih sayang yang mendalam, dan merupakan sahabat tempat mengadu, beliau semenjak dari kanak-kanak adalah sangat setia hati dan jiwanya kepada Nabi. Seorang yang sederhana, pendiam, tidak bercita-cita tinggi, walaupun selepas beliau mendapat pemerintahan separuh daripada dunia Muslim, ia adalah dihempuk ke atas beliau dan bukan dicari dengan sengaja.”
[*The Life of Mahomet*, London, 1877, ms. 250]

★ ★ ★ ★ ★

Dr. Henry Stubbe

(1632-1676) Pakar ilmu Yunani dan Romawi purba, pakar dalam ilmu perbahasan, doktor perubatan, dan ahli falsafah.

- “Beliau benci kepada keagungan dan kesombongan dunia ini, beliau sangat takut kepada Tuhan, banyak memberi sedekah, adalah adil di dalam kesemua tindakannya, merendah diri dan mesra; memiliki kebijaksanaan dan kepandaian yang luar biasa, beliau sangat terpelajar, bukan di dalam sains-sains teori tetapi di dalam ilmu-ilmu yang diamalkan dalam kehidupan seharian.”
[*An Account of the Rise and Progress of Mahometanism*, 1705, ms. 83]

★ ★ ★ ★ ★

Gerald de Gaury

(1897 - 1984) seorang perajurit yang ulung dan diplomat.

- “Beliau adalah bijaksana dalam memberi nasihat dan berani dalam pertempuran, adalah setiakawan dan merendah diri kepada musuh-musuhnya. Beliau telah selama-lamanya menjadi contoh ikutan kemuliaan dan ketinggian budi bahasa seorang Muslim.”
[*Rulers of Mecca*, London, 1951, ms. 49]

★ ★ ★ ★ ★

Wilferd Madelung

Profesor bahasa Arab di Universiti Oxford

- "Berhadapan dengan tuntutan palsu Bani Umayyah ke atas pemerintahan di dalam Islam sebagai Khalifah Tuhan di atas mukabumi, dan melihat kepada pembelotan oleh Bani Umayyah, pemerintahan yang sewenang-wenangnya dan berpecah belah, dan pembalasan dendam kesumat, mereka mulai menghargai kejujuran beliau, ketegasan beliau dalam menjalankan pemerintahan Islam, kesetiaan diri beliau yang mendalam, layanan samarata beliau terhadap kesemua para penyokong beliau, dan kemurahan hati beliau dengan memaafkan kesemua musuh beliau yang telah beliau tewaskan."
[*The succession to Muhammad: a study of the early caliphate*, Cambridge, 1997, mukasurat-mukasurat 309-310]

★ ★ ★ ★ ★

Charles Mills

(1788 - 1826)Penulis sejarah yang terkemuka pada zamannya.

- “Sebagai ketua Bani Hashim dan sebagai sepupu dan menantu kepada personaliti yang sangat dihormati oleh orang-orang Arab...,adalah sangat menghairankan apabila Ali tidak terus menjadi Khalifah sebaik sahaja selepas kewafatan Muhammad. Selain daripada keistimewaan beliau berdasarkan keturunan dan perkahwinan, beliau mendapat keistimewaan persahabatan dengan Nabi. Ibnu Abu Talib adalah dari kalangan orang-orang yang mula-mula memeluk Islam dan Muhammad sangat menyukai gelaran terhadapnya iaitu Harun kepada Musa yang kedua. Bakat beliau sebagai pemedato, dan keberanian beliau sebagai seorang pahlawan, adalah berkat daripada suatu bangsa di mana keberanian adalah suatu nilai yang mulia dan kepetahan adalah tanda kebijaksanaan”
[*An history of Muhammedanism*, London, 1818, ms. 89]